

# UniMAP Anjur Ekspo

## Rekacipta dan Pameran Penyelidikan Kali Ke-5

Ekspo Rekacipta dan Pameran Penyelidikan UniMAP pada tahun ini telah berlangsung pada 22 Disember 2010 Tujuan ekspo ini diadakan adalah untuk memilih produk penyelidikan yang akan di bawa ke pertandingan peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Seperti tahun sebelumnya, sambutan yang diberikan oleh para penyelidik amat menggalakkan di mana 229 penyertaan telah diterima pada tahun ini. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.A.B Menteri Besar Perlis di Dewan 2020, Kangar, Perlis.



Beberapa produk yang telah berjaya dipatenkan juga dipamerkan untuk tatapan para pengunjung dan ianya adalah KUKUM Artificial Marble oleh Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, A Board And Its Production Method oleh Suhardy Daud, A Cast Product And Its Method Of Production oleh Ir. Mohd. Ichwan Nasution, Compact Planar Highly Efficient Antenna For WLAN Applications oleh Azremi Abdullah Al-Hadi, An Array Antenna For Microwave Access Application oleh Dr. Mohd Fareq Abd Malek, A Flying Apparatus For Aerial Agricultural Application oleh Prof. Madya Dr. Hazry Desa, dan Circular Microstrip Antenna For Wide Bandwidth Applications oleh Dr. Mohd Fareq Abd Malek.



Di dalam Ekspo Rekacipta ini sebanyak 48 pingat emas, 55 pingat perak dan 54 pingat gangsa telah diperolehi yang menjadikan sebanyak 157 produk yang berjaya untuk ke peringkat kebangsaan. Pada tahun ini, pihak urusetia telah menambah beberapa kategori baru di dalam pengiktirafan kepada para penyelidik seperti Best Woman Inventor, Produk Terbaik 3rd runner up, 2nd runner up dan Best Of The Best. Ekspo Rekacipta ini ternyata dapat memberi impak yang menyeluruh kepada penyelidik UniMAP untuk lebih berdaya saing dalam menghasilkan produk yang lebih bermutu tinggi pada masa akan datang. Selain itu, ia juga dapat memperkenalkan UniMAP di peringkat yang lebih tinggi bukan sahaja kerana universitinya, tetapi juga produk yang dihasilkannya yang bertaraf antarabangsa.

